**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 3 Aug2021 (Tuesday)

**Berita Harian**
JAIS tak kenakan caj urus jenazah pesakit COVID-19 1
Selangor fokus cabaran UiTM 2

**Utusan Malaysia**
Tanah kubur masih cukup 3

**Harian Metro**
Tiada caj urus jenazah: Jais 4

**Sinar Harian**
8,239 permohonan rebat ke PPV diluluskan 5
Semua pihak diseru hormati bacaan ayat al-Quran, al-Fatihah 6
Tiada halangan buat sukarelawan NGO bantu urus jenazah Covid-19 7
1.28 juta penduduk lengkap dos kedua 8

**Bernama Radio 24**
Selangor Catat Kadar Pemberian Vaksin Melebihi 150 Ribu Dos Pada Jumaat & Sabtu 9

**Era FM**
Meluluskan 8,200 Permohonan Rebat RM20 Bagi Perjalanan Ke PPV 10

**Selangor TV**
JAIS Tidak Kenakan Bayaran Urus Jenazah Covid-19 11
MB : 1.28 Juta Warga Selangor Lengkap Dua Dos Vaksin 12
Warga Kerja PNSB Lengkap Vaksin Dos Kedua 13

**Sinar Harian Online**
Selangor lulus 8,239 permohonan rebat pengangkutan suntikan vaksin 14

**The Star**
Farm in Kalumpang shut down for causing pollution 15
MBSJ tears down illegal stalls in joint operation with police 16
Mobile app for Ampang ratepayers 17
New Kajang council president to hold dual role 18
Taman Bayu Perdana residents want solution to flash flood issue 19

**The Sun**
SOP on remains of Covid patients 20

**Sin Chew Daily**
JAIS: "Hospital disposed before taking over remains" attacked by netizens and added to confusion 21
MAIS appeals to the community [to be respectful when chanting for the deceased] 22

**Guang Ming Daily**
The hospital handles the remains of the COVID-19 deceased; JAIS: We only takes over the burial 23

**Malaysia Nanban**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

Simpang Lima, Klang crematorium to operate with new SOP rules! 24

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | JAIS tak kenakan caj urus jenazah pesakit COVID-19 |
| Muka Surat | : | 19 |

# JAIS tak kenakan caj urus jenazah pesakit COVID-19

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak mengenakan bayaran kepada pihak keluarga atau waris bagi setiap pengurusan jenazah pesakit COVID-19 diuruskan jabatan itu.

Sambil menafikan dakwaan sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, berkata bayaran hanya dikenakan oleh pihak pengurusan tanah perkuburan, termasuk kos membuat keranda jika perlu.

"Bayaran itu akan terus dibayar oleh keluarga atau waris kepada pihak pengurusan tanah perkuburan berkenaan.

"JAIS juga hanya akan menguruskan jenazah pesakit COVID-19 yang dilepaskan (released) oleh pihak hospital sahaja.

"Perkara seperti memaklumkan mengenai kematian pesakit COVID-19 dan kehadiran waris ke hospital adalah di bawah urusan pihak hospital," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sehubungan itu, katanya, JAIS sudah menetapkan tanah perkuburan yang sesuai bagi urusan jenazah COVID-19 untuk kemudahan semua pihak.

"Bagi situasi berkeperluan khas, JAIS juga boleh membuat pertimbangan tertentu untuk melakukan perubahan bersesuaian kepentingan umum, khususnya umat Islam," katanya.

Dalam pada itu, katanya, JAIS mengambil maklum dan memberi perhatian serius terhadap beberapa dakwaan dan isu yang dibangkitkan NGO mengenai pengurusan jenazah COVID-19 di Selangor.

"Adalah menjadi tanggungjawab JAIS memastikan urusan hal ehwal umat Islam di Selangor diurus sebaiknya, termasuk dalam hal membantu menguruskan kematian orang Islam.

"Urusan pengurusan jenazah pesakit COVID-19 adalah tanggungjawab JAIS dalam mengurus dan membuat apa-apa ketetapan mengenainya bagi memastikan pengurusan jenazah dapat dibuat sebaik mungkin," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Selangor fokus cabaran UiTM |
| Muka Surat | : | 38 |



*Ifedayo (depan) meraikan jaringannya ketika Selangor menentang Penang, minggu lalu.* (Foto FB Selangor FC)

# Selangor fokus cabaran UiTM

**Kuala Lumpur:** Selepas mencipta kemenangan besar 4-1 ke atas Penang FC Sabtu lalu, Selangor FC pasti mahu meneruskan prestasi cemerlang apabila berdepan pasukan tercorot Liga Super, UiTM FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), malam ini.

Anak buah Karsten Neitzel bagaimanapun tidak boleh terlalu yakin atau terus dibuai dengan kejayaan manis di Stadium Bandaraya bagi mengelak tercicir mata penting walaupun pasukan UiTM ketika ini dilabel sebagai 'lubuk' tiga mata dalam liga.

Sebaliknya, mereka harus menjadikan semangat dan motivasi kemenangan itu sebagai perkara utama dalam usaha meneruskan rentak kemenangan dan memperbaiki kedudukan dalam carta liga.

Di atas kertas memang tampak tugas mudah buat Selangor, namun apa saja boleh berlaku di atas padang, apatah lagi dengan UiTM masih dahagakan kemenangan pertama mereka musim ini.

Neitzel juga menganggap aksi berdepan UiTM sebagai cabaran besar terutama selepas skuad kendalian Frank Bernhardt memiliki rehat lebih lama kerana tidak beraksi pada Sabtu lalu berikutan aksi berdepan Kedah Darul Aman (KDA) ditangguhkan.

"Sekarang kami akan berdepan UiTM pada Selasa (malam ini) dan mereka tidak bermain kelmarin (Sabtu lalu) selepas aksi berdepan Kedah ditangguhkan.

"Ia akan menjadi satu lagi cabaran besar buat kami tapi dengan mentaliti semua pemain sekarang, kami bersedia untuk perlawanan seterusnya.

"Saya mahu lihat semangat yang sama (ketika berdepan Penang) daripada pemain dan sudah pasti kami mempunyai peluang untuk mengatasi UiTM," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Tanah kubur masih cukup |
| Muka Surat | : | 10 |

# Tanah kubur masih cukup

**SHAH ALAM:** Setiap hospital di Selangor seperti di Klang dan Sungai Buloh, ditetapkan tiga tapak tanah perkuburan Islam berhampiran bagi urusan pengkebumian jenazah mangsa Covid-19 yang diuruskan secara berpusat oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Penetapan tiga tapak bagi setiap hospital itu adalah bagi mengatasi kebimbangan terhadap kekurangan ruang dalam setiap kawasan tanah perkuburan berikutan peningkatan pengkebumian jenazah mangsa Covid-19, khususnya beragama Islam

Sumber JAIS memberitahu, seperti yang berlaku di Klang, pihaknya menetapkan satu lagi tanah perkuburan selain di Sungai Sireh (Tanah Perkuburan Selat Klang) dan Seksyen 21, Shah Alam untuk pengkebumian jenazah mangsa Covid-19 dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.

"Pengkebumian jenazah mangsa Covid-19 dari HTAR sebenarnya kita khususkan di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, selepas itu kita khususkan di Seksyen 21, Shah Alam dan lagi satu di Tanah Perkuburan Islam Johan Setia. Kita akan uruskan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Seksyen 21 tak ada masalah dari segi keluasan. Kalau penuh di Selat Klang pun kita boleh hantar ke Seksyen 21 sebab kita bagi pengkhususan dari hospital Klang kepada tiga tanah perkuburan. Kita sudah bahagikan tapak perkuburan mengikut hospital," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sumber itu menambah, keluasan Tanah Perkuburan Selat Klang yang ada kini masih memadai untuk menampung urusan pengkebumian jenazah Covid-19.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan kawasan di Tanah Perkuburan Selat Klang diganggarkan masih berbaki untuk pengebumian 500 jenazah selepas tapak kubur itu menerima kira-kira 120 jenazah sejak dua minggu lalu.

Peningkatan pengebumian di sana dikhuatiri membimbangkan penduduk setempat khususnya ahli kariah kawasan berhampiran Sungai Sireh itu yang mungkin terpaksa mengebumikan jenazah ahli keluarga di tanah perkuburan lebih jauh.



**TANAH Perkuburan Selat Klang dekat Sungai Sireh di Klang, Selangor adalah antara tanah perkuburan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mangsa Covid-19.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Tiada caj urus jenazah: Jais |
| Muka Surat | : | 8 |

# Tiada caj urus jenazah: Jais

**Shah Alam:** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menetapkan tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pihak keluarga atau waris bagi setiap pengurusan jenazah pesakit Covid-19 yang diuruskan oleh jabatan itu.

Pengarahnya Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, bayaran hanya dikenakan oleh pihak pengurusan tanah perkuburan termasuk kos membuat keranda jika perlu.

"Bayaran itu akan terus dibayar oleh keluarga atau waris kepada pihak pengurusan tanah perkuburan berkenaan.

"Jais juga hanya akan menguruskan jenazah pesakit Covid-19 yang dilepaskan oleh pihak hospital sahaja.

"Perkara seperti memaklumkan tentang kematian pesakit Covid-19 dan kehadiran waris ke hospital adalah di bawah urusan pihak hospital," katanya.

Menurutnya, Jais juga sudah menetapkan tanah perkuburan yang sesuai bagi urusan jenazah Covid-19 untuk kemudahan semua pihak.

"Bagi situasi berkeperluan khas, Jais juga boleh membuat pertimbangan tertentu untuk melakukan perubahan yang bersesuaian dengan kepentingan umum khususnya umat Islam," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Jais mengambil maklum dan memberi perhatian serius terhadap beberapa tuduhan dan isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor.

"Adalah menjadi tanggungjawab Jais memastikan urusan hal ehwal umat Islam di Selangor diurus sebaiknya termasuklah dalam hal membantu kematian orang Islam.

"Urusan pengurusan jenazah pesakit Covid-19 adalah tanggungjawab Jais dalam mengurus dan membuat apa-apa ketetapan mengenainya bagi memastikan pengurusan jenazah dapat dibuat sebaik mungkin.

"Beberapa siri serangan terhadap Jais di media sosial dalam hal pengurusan jenazah Covid-19 adalah suatu telahan yang menyimpang, tidak tepat, bersifat prejudis dan boleh menimbulkan perspektif buruk kepada dasar dan ketetapan baru Jais berhubung pengurusan jenazah Covid-19 yang dikuatkuasakan di seluruh Negeri Selangor pada 28 Julai lalu," katanya.



*Bayaran hanya dikenakan oleh pihak pengurusan tanah perkuburan termasuk kos membuat keranda jika perlu"*

**Mohd Shahzihan**

Beliau berkata, pengendalian pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor sudah disemak semula bagi membantu mengatasi kekangan dan meringankan tekanan pasukan barisan hadapan hospital terutama di bahagian forensik.

"Ketetapan dibuat bersama pihak hospital dan pihak lain yang berkaitan.

"Jais turut meneliti dan memperhalusi beberapa isu dan permasalahan, fakta semasa, kekuatan dan kemampuan pasukan jenazah Covid-19 sedia ada, keutamaan mengurus jenazah dengan kadar segera, kepentingan, kebajikan serta keperluan pihak terbabit terutama keluarga atau waris jenazah Covid-19," katanya.

Katanya, Jais mengesyorkan mana-mana pihak membuat laporan kepada pihak berwajib jika mempunyai bukti berhubung tohmahan yang dibuat.

"Jais menegaskan sekiranya pihak keluarga atau waris jenazah Covid-19 atau NGO atau individu yang mempunyai fakta dan bukti terhadap perlanggaran ketetapan terbaru Jais atau perbuatan bersifat jenayah atau salah guna kuasa dalam pelaksanaan ketetapan ini, terus buat aduan kepada Jais atau laporan kepada pihak berwajib untuk tindakan selanjutnya," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 8,239 permohonan rebat ke PPV diluluskan |
| Muka Surat | : | 21 |

# 8,239 permohonan rebat ke PPV diluluskan

Permohonan yang telah diluluskan dengan peruntukan RM68,400

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

**SHAH ALAM**

Kerajaan Selangor menerima sebanyak 11,223 permohonan rebat pengangkutan Grabcar bagi mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri itu sehingga Ahad.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sehingga 1 Ogos 2021, Inisiatif Rebat Pengangkutan ke PPV dengan kerjasama @GrabMY telah menerima 11,223 permohonan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 8,239 permohonan telah diluluskan dengan peruntukan RM68,400," ciapnya di laman Twitter pada Isnin.



AMIRUDIN

Media sebelum ini melaporkan seramai 50,000 individu di Selangor bakal menerima rebat pengangkutan RM20 (pergi dan balik) bagi pengambilan vaksin terutamanya warga emas menerusi Pakej Kita Selangor 2.0.

Dalam menjayakan agenda digitalisasi negeri ini, kerajaan Selangor melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menandatangani perjanjian kerjasama strategik bersama Grab Malaysia.

Kerjasama strategik itu bertujuan mewujudkan ekosistem untuk memudahkan rakyat Selangor memanfaatkan teknologi dan digitalisasi.

Melalui perjanjian kerjasama itu, Grab Malaysia akan terbabit secara langsung bagi menjayakan inisiatif-inisiatif di dalam agenda digitalisasi Selangor melalui perkhidmatan GrabExpress, GrabFood, GrabCar dan GrabPay.

Dalam pada itu, Amirudin turut memaklumkan pendaftaran permohonan rebat pengangkutan Grabcar itu masih dibuka di *http://platselangor.com.*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Semua pihak diseru hormati bacaan ayat al-Quran, al-Fatihah |
| Muka Surat | : | 21 |

# Semua pihak diseru hormati bacaan ayat al-Quran, al-Fatihah

**SHAH ALAM -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memohon semua pihak termasuk bukan Islam untuk menghormati agama Islam sebagai agama Persekutuan seperti bacaan surah al-Fatihah dan ayat suci al-Quran membabitkan semua majlis.



**ABDUL AZIZ**

Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berpandangan perkara tersebut perlu diberi penekanan apabila bacaan surah al-Fatihah serta ayat suci al-Quran dilaksanakan khusus kepada umat Islam yang meninggal dunia.

Menurutnya, agama Islam turut mengajar supaya menghormati di antara satu sama lain kerana ia sangat penting dalam tuntutan memuliakan dan berkasih sayang sesama manusia.

"Di Malaysia, budaya saling menghormati, hak kebebasan untuk beragama serta mengiktiraf Islam sebagai agama negara perlu dijadikan sebagai agenda utama bagi memastikan persaudaraan terus utuh dalam kalangan rakyat berbilang agama dan kaum.

"Situasi hormat menghormati ini seiring dengan Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Tiada halangan buat sukarelawan NGO bantu urus jenazah Covid-19 |
| Muka Surat | : | 21 |

# Tiada halangan buat sukarelawan, NGO bantu urus jenazah Covid-19

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memberi penjelasan berhubung beberapa dakwaan dibangkitkan oleh badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan ketetapan baharu pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor.

Pengarahnya, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, beberapa pihak 'menyerang' JAIS di media sosial sebelum ini boleh menimbulkan perspektif buruk terhadap dasar baharu itu yang telah dikuatkuasakan sejak 28 Julai lalu.

Beliau berkata, pengurusan jenazah Covid-19 di Selangor telah disemak semula bagi membantu mengatasi kekangan dan meringankan tekanan petugas barisan hadapan di hospital.

"Ketetapan dibuat bersama pihak hospital dan agensi lain malah JAIS turut meneliti beberapa perkara antaranya fakta semasa, kekuatan pasukan jenazah Covid-19 sedia ada, keutamaan mengurus jenazah dan beberapa lagi," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pada Sabtu, sebuah NGO dikenali sebagai Unit Kenderaan Van Jenazah (UKVJ) yang menggunakan akaun nama Facebook, Mr Wan Cai Official mendakwa JAIS tidak lagi membenarkan mana-mana NGO menguruskan jenazah Covid-19 di semua hospital di Selangor.



MOHD SHAHZIHAN

Menerusi aplikasi WhatsApp sebelum ini juga tular kenyataan yang memaklumkan bermula pada Jumaat tanah perkuburan Islam di setiap kariah tidak lagi dibenarkan mengurus pengebumian jenazah Covid-19.

Berdasarkan edaran senarai tanah perkuburan pengebumian jenazah Covid-19 di negeri Selangor yang dikeluarkan JAIS, terdapat 37 tapak dikhaskan untuk urusan pengebumian membabitkan 13 hospital di negeri ini.

Dalam pada itu, mengulas mengenai dakwaan berkenaan, Mohd Shahzihan berkata, JAIS mempelawa penglibatan sukarelawan dan NGO yang mahu bekerjasama menguruskan jenazah Covid-19 di Selangor.

"Mereka hendaklah tertakluk untuk patuh kepada ketetapan yang dibuat oleh JAIS," katanya.

Di samping itu, Mohd Shahzihan berkata, JAIS juga menetapkan tiada sebarang bayaran dikenakan kepada keluarga waris atas setiap pengurusan jenazah Covid-19 yang diuruskan oleh pihaknya.

Katanya, bayaran hanya dikenakan oleh pihak pengurusan tanah perkuburan (termasuk kos keranda jika perlu) yang akan dibayar terus oleh keluarga atau waris terlibat.

"JAIS juga menetapkan tanah perkuburan yang sesuai bagi urusan jenazah Covid-19 untuk kemudahan semua pihak," katanya.

Tambah beliau, susulan beberapa tohmahan dilemparkan terhadap JAIS, pihaknya mengesyorkan mana-mana pihak yang mempunyai bukti untuk tampil membuat aduan secara terus kepada jabatan itu atau agensi berwajib bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

QUALITY SYSTEM SIRIM
IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>3 August 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 1.28 juta penduduk lengkap dos kedua |
| Muka Surat | : | 22 |

# 1.28 juta penduduk lengkap dos kedua

## Sejumlah 4.58 juta dos vaksin telah disuntik di negeri Selangor

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**SHAH ALAM**

Seramai 1.28 juta orang atau 27 peratus penduduk di Selangor sudah lengkap dua dos vaksinasi setakat Isnin.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sehingga kini, sejumlah 4.58 juta dos vaksin telah disuntik di negeri tersebut.

"Menerusi Program Vaksin Selangor atau SelVax pula, tambahan sebanyak 207,368 dos telah disuntik kepada penduduk Selangor," katanya yang memuat naik status di Facebook beliau pada Isnin.




Info grafik yang dimuat naik Amirudin di Facebook beliau pada Isnin

Menerusi perkongsian info grafik pencapaian vaksinasi Covid-19 Selangor di Facebook Amirudin pula menunjukkan, sebanyak 3.30 juta atau 69.5 peratus telah menerima dos pertama.

Amirudin pada Ahad melaporkan, kadar pemberian vaksinasi harian di Selangor pada Jumaat dan Sabtu berjaya melepasi sasaran pada Julai membabitkan pemberian melebihi 135,000 dos sehari.

Tambahnya, mengikut statistik, Selangor merekodkan pemberian vaksin sebanyak 159,000 dos pada Jumaat dan 152,000 dos pada Sabtu.

Jumlah itu tidak termasuk kadar vaksinasi harian menerusi Program SelVax yang melibatkan 15,000 dos sehari.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Bernama Radio 24 |
| Tajuk Berita | **:** | Selangor Catat Kadar Pemberian Vaksin Melebihi 150 Ribu Dos Pada Jumaat & Sabtu |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Era FM |
| Tajuk Berita | : | Meluluskan 8,200 Permohonan Rebat RM20 Bagi Perjalanan Ke PPV |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | JAIS Tidak Kenakan Bayaran Urus Jenazah Covid-19 |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Selangor TV |
| Tajuk Berita | **:** | MB : 1.28 Juta Warga Selangor Lengkap Dua Dos Vaksin |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | Warga Kerja PNSB Lengkap Vaksin Dos Kedua |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR<br>2 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian Online |
| Tajuk Berita | : | Selangor lulus 8,239 permohonan rebat pengangkutan suntikan vaksin |
| Muka Surat | : | - |



Isnin | 02 Ogos 2021

## Selangor lulus 8,239 rebat pengangkutan suntikan vaksin

Aminudin Shari

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menerima sebanyak 11,223 permohonan rebat pengangkutan Grabcar bagi mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri itu sehingga Ahad.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sehingga 1 Ogos 2021, Inisiatif Rebat Pengangkutan ke PPV dengan kerjasama @GrabMY telah menerima 11,223 permohonan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 8,239 permohonan telah diluluskan dengan peruntukan RM68,400," ciapnya di laman Twitter pada Isnin.

Media sebelum ini melaporkan seramai 50,000 individu di Selangor bakal menerima rebat pengangkutan RM20 (pergi dan balik) bagi pengambilan vaksin terutamanya warga emas menerusi Pakej Kita Selangor 2.0.

Dalam menjayakan agenda digitalisasi negeri ini, kerajaan Selangor melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menandatangani perjanjian kerjasama strategik bersama Grab Malaysia.

Kerjasama strategik itu bertujuan mewujudkan ekosistem untuk memudahkan rakyat Selangor memanfaatkan teknologi dan digitalisasi.

Melalui perjanjian kerjasama itu, Grab Malaysia akan terbabit secara langsung bagi menjayakan inisiatif-inisiatif di dalam agenda digitalisasi Selangor melalui perkhidmatan GrabExpress, GrabFood, GrabCar dan GrabPay.

Dalam pada itu, Amirudin turut memaklumkan pendaftaran permohonan rebat pengangkutan Grabcar itu masih dibuka di http://platselangor.com.

**Disyorkan artikel ini:**
- OKU penglihatan lega terima dos pertama vaksin
- PPV perlu dibuka di Benut: Ahmad Maslan
- Lebih 3,000 imam, guru agama Sabah terima vaksin

Paling Terkini: Kemudahan sektor ekonomi, individu lengkap 2 dos vaksin bakal diumum

Selangor | rebat pengangkutan vaksin

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang.

Artikel Berkaitan
- Perak wujudkan pusat pemberian vaksin bergerak di kawasan pedalaman
- Pasukan vaksin Covid-19 disambut bagai 'Adiwira'
- 2,407 individu terima suntikan vaksin Covid-19 di Selangor
- Buka 22 PPV di seluruh Parlimen Selangor
- 107,000 pekerja sektor pengangkutan dapat vaksin sebelum Ogos
- Individu hadir ke PPV tanpa janji temu bakal dikompaun

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**3 August 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Farm in Kalumpang shut down for causing pollution |
| Muka Surat | : | 3 |

# Farm in Kalumpang shut down for causing pollution

A POULTRY farm in Kalumpang, Hulu Selangor was ordered to close for two weeks for causing environmental pollution.

This was discovered during a joint operation involving the Hulu Selangor District Council (MDHS), police, Selangor Water Management Authority (LUAS), National Water Service Commission (SPAN), Environment Department (DOE), Hulu Selangor Veterinary Services Department and the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Also present was area councillor Abdul Mun'im Roslin.

